

Identiti Kaum Penan di Sarawak Berasaskan Modifikasi Modal Semula Jadi *[The Identity of the Penan Community in Sarawak Based on the Modification of Natural Capital]*

Benard Upieh

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Pengkalan
Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Corresponding author: upieh.benard@gmail.com

Received Date : 10 Jul. 2025

Accepted Date : 20 Dec. 2025

Publish Date : 28 Dec. 2025

ABSTRAK

Hubungan timbal balik yang terjalin secara semula jadi antara masyarakat Penan dan modal semula jadi berpaksikan kepada keperluan asas kehidupan harian yang saling melengkapi. Kecenderungan masyarakat Penan untuk memodifikasi modal semula jadi dilihat sebagai satu strategi yang diadaptasi untuk memenuhi tuntutan kelangsungan hidup.. Seiring dengan itu, proses modifikasi ini telah membentuk suatu identiti unik yang mencerminkan budaya dan cara hidup masyarakat Penan yang dinamik. Makalah ini bertujuan meneliti pembentukan identiti masyarakat Penan berasaskan modifikasi terhadap modal semula jadi. Kajian empirikal telah dilaksanakan melibatkan komuniti Penan di Batu Bungan, Kampung Long Lesuan, dan Kampung Long Ludin, yang terletak dalam daerah Baram dan Telang Usan, Sarawak. Data dikumpulkan melalui pendekatan kualitatif yang merangkumi temu bual mendalam dan pemerhatian turut serta di lapangan. Hasil kajian mengenal pasti kewujudan dua bentuk identiti utama dalam kalangan masyarakat Penan, iaitu (1) identiti tradisional dan (2) identiti beradaptasi. Kedua-dua bentuk identiti ini, secara kumulatif, membentuk susunan sosio-budaya masyarakat Penan kontemporari. Kajian ini mencadangkan agar pembentukan identiti tersebut dijadikan asas dalam wacana ilmiah bagi memperkukuh rujukan akademik yang berkaitan dengan komuniti peribumi. Pemeliharaan identiti masyarakat Penan dilihat sebagai aspek yang signifikan dalam usaha memperkukuh jati diri mereka, khususnya dalam konteks penyertaan yang lebih bermakna ke dalam masyarakat arus perdana.

Kata kunci: Kaum Penan; identiti; inovasi; modal semula jadi; Baram dan Telang Usan.

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-Non-Commercial-Share Alike 4.0 International (CC BY-NC-SA 4.0) license which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work is properly cited.

PENGENALAN

Menurut Langub (2023), masyarakat Penan merupakan salah satu kelompok masyarakat yang mendiami wilayah Sarawak. Davis (1990) turut menyatakan bahawa masyarakat Penan terdiri daripada kelompok-kelompok kecil yang menghuni kawasan pedalaman hutan Borneo. Dipercayai bahawa asal usul masyarakat

Penan adalah dari Sungai Kayan di Kalimantan, Borneo. Selanjutnya, mereka berhijrah ke Sarawak dan berpecah menjadi dua kelompok utama, yang dikenali sebagai Penan Timur dan Penan Barat (Hood Salleh, 2006; Bending, 2006; SUARAM, 2010).

Sejak dahulu, kehidupan masyarakat Penan bergantung erat pada sumber modal semula jadi sekaligus membolehkan mereka melakukan modifikasi terhadap modal semula jadi untuk keperluan harian. Istilah modifikasi modal semula jadi dalam konteks masyarakat Penan merujuk kepada proses penyesuaian, pengolahan dan memanfaatkan sumber alam yang dilakukan secara dinamik mengikut perubahan persekitaran, keperluan hidup, serta peralihan sosioekonomi. Modifikasi ini tidak hanya melibatkan penggunaan langsung hasil hutan, tetapi turut merangkumi bagaimana masyarakat Penan menstruktur semula pengetahuan ekologi, gaya hidup tradisional, dan amalan budaya untuk kekal relevan walaupun berlaku perubahan gaya hidup daripada nomadik kepada kehidupan menetap. Dengan kata lain, modifikasi modal semula jadi menggambarkan cara masyarakat Penan mengekalkan hubungan timbal balik dengan alam sambil menyesuaikan strategi kelangsungan hidup mereka dalam konteks moden. Hal ini disebabkan oleh ketersediaan segala keperluan harian mereka daripada sumber modal semula jadi tersebut (SUARAM, 2010).

Sumber modal semula jadi atau hutan telah dianggap sebagai khazanah yang bernilai dan membentuk jati diri masyarakat Penan sejak berabad-abad (Zawawi & Noorshah, 2012). Pada masa kini, masyarakat Penan telah mengadaptasi cara hidup yang serupa dengan kelompok masyarakat lain, dengan menetap di perkampungan serta mengamalkan aktiviti bercucuk tanam, menghasilkan kraf tangan, dan menjalankan aktiviti ekonomi (Zawawi & Noorshah, 2012; Liau, 2020).

Walaupun bagaimanapun, identiti masyarakat Penan yang berakar umbi pada modifikasi sumber alam tetap dipertahankan. Oleh yang demikian, peralihan gaya hidup mereka daripada nomad kepada menetap telah mewujudkan identiti baharu yang dimiliki selain daripada identiti tradisional. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Penan memiliki dua (2) jenis identiti, iaitu (1) identiti tradisional dan (2) identiti adaptasi.

Walaupun masyarakat Penan kini mengalami perubahan ketara dalam corak kehidupan akibat peralihan daripada gaya hidup tradisional, iaitu nomad kepada kehidupan moden yang menetap, identiti mereka berteraskan modifikasi modal semula jadi masih kekal sebagai jati diri. Perubahan struktur kehidupan ini bukan sahaja mencerminkan proses adaptasi terhadap konteks sosioekonomi semasa, malah telah melahirkan satu bentuk identiti baharu yang wujud seiring dengan identiti tradisional. Justeru itu, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa identiti masyarakat Penan tidak bersifat tunggal atau statik, sebaliknya terbentuk melalui dua dimensi utama, iaitu (1) identiti tradisional yang berasaskan amalan dan nilai warisan, serta (2) identiti beradaptasi yang terhasil daripada proses penyesuaian terhadap perubahan persekitaran dan transisi kehidupan.

ISU

Identiti tradisional dan identiti beradaptasi kaum Penan wujud lantaran kehidupan mereka yang bergantung pada modal semula jadi dan pada masa yang sama mengadaptasi norma baru kehidupan menetap. Kaum Penan mempunyai identiti khusus iaitu, identiti tradisional mereka yang akrab dengan modal semula jadi di sekeliling mereka. Peralihan gaya hidup kaum Penan daripada nomadik kepada kehidupan menetap telah membentuk semula hubungan mereka dengan modal semula jadi, realiti ini menimbulkan persoalan penting berkaitan pembentukan dan transformasi identiti mereka. Isu ini signifikan untuk dikaji kerana modal semula jadi, khususnya hutan, bukan sekadar sumber ekonomi, tetapi merupakan asas pembentukan jati diri, nilai dan amalan sosial masyarakat Penan. Perubahan terhadap cara hidup dan persekitaran sosial ini menuntut satu kefahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana identiti masyarakat Penan dikekalkan, diubahsuai dan dipadankan dalam konteks pembangunan semasa.

Sejak sekian lama, modal semula jadi berasaskan hutan menjadi identiti dan jati diri kaum Penan. Namun demikian, perubahan gaya hidup memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan seharian. Oleh itu kaum Penan mulai mengadaptasi gaya hidup yang baharu. Dengan adanya gaya hidup baru, kebergantungan mereka pada modal semula jadi turut terkesan dari segi penggunaan dan akses mereka pada modal semula jadi.

Dalam konteks masyarakat Penan, identiti tradisional ini dapat diperhatikan melalui penghasilan peralatan dan kraf tangan seperti bakul, tikar dan sumpit yang dihasilkan sepenuhnya menggunakan bahan daripada modal semula jadi secara tradisional. Amalan ini merupakan kesinambungan antara pengetahuan tradisional dan bentuk identiti yang masih berakar pada kerangka kehidupan nomad walaupun mereka kini telah hidup menetap.

Identiti beradaptasi pula bermaksud kaum Penan melakukan inovasi dalam proses penghasilan kraf tangan, antaranya dengan mencampurkan bahan yang digunakan. Jika dahulu mereka menggunakan rotan seratus peratus untuk menyiapkan produk kraf tangan, kini mereka menggunakan tali plastik diperbuat daripada polivinil klorida (PVC) yang boleh dicampur dengan *ihat* (rotan) untuk tujuan anyaman. Penggunaan tali plastik PVC adalah bagi tujuan penjimatan *ihat* walaupun dari segi keasliannya telah hilang. Tambahan pula tali plastik tersebut terdapat dalam pelbagai warna dan corak yang lebih menarik jika dibandingkan dengan rotan yang hanya ada tiga warna sahaja, iaitu hitam, putih dan merah. Selain penggunaan tali plastik bagi tujuan menambah baik produk kraf tangan, peserta kajian turut menggunakan cat atau *spray* untuk mewarnakan bakul atau tikar yang telah siap.

Selain modifikasi terhadap bahan yang digunakan untuk hasilkan kraf tangan, kaum Penan turut memodifikasi cara mereka mengakses modal semula jadi pada masa kini. Oleh kerana kawasan hutan lazimnya jauh dari kawasan penempatan, kini kaum Penan menaiki motosikal, kereta dan perahu untuk mengakses modal semula jadi.

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu cenderung membincangkan hubungan masyarakat Penan dengan modal semula jadi secara umum tanpa pengkategorian identiti yang jelas. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menjelaskan secara konseptual dua bentuk identiti tersebut, sekali gus menyumbang kepada perbincangan akademik mengenai transformasi identiti komuniti peribumi di Borneo dalam konteks perubahan gaya hidup, pembangunan dan ketahanan budaya khususnya bagi masyarakat Penan.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan reka bentuk kajian etnografi dalam melaksanakan kajian ini. Reka bentuk kajian etnografi membantu penyelidik untuk mendalami nilai dan cara hidup kaum Penan, khususnya berkaitan identiti yang dimiliki. Penyelidik telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu i) temu bual mendalam, ii) pemerhatian dan iii) nota lapangan. Temu bual mendalam merupakan interaksi bersemuka antara penyelidik dan informan kajian dalam beberapa waktu yang sesuai mengikut keperluan dan kelapangan (Reeves et al., 2008). Manakala, pemerhatian merupakan proses di mana penyelidik berada dalam persekitaran subjek kajian bagi tujuan memerhati dan mencatat dalam jangka masa yang ditetapkan (Chua, 2012). Kaedah pengumpulan yang seterusnya, iaitu nota lapangan merupakan catatan harian bagi melengkapkan data-data yang sedia ada. Nota lapangan dicatat dalam bentuk tulisan di buku nota secara ringkas, gambar, video dan audio.

Sampel kajian ini adalah kaum Penan yang menetap di tiga buah kampung yang terletak di daerah Baram dan Telang Usan, iaitu Kampung Batu Bungan, Long Lesuan dan Long Ludin. Penyelidik memilih tiga kampung tersebut kerana penduduknya mempunyai ciri-ciri yang diperlukan bagi penyelidikan, mereka masih mengakses modal semula jadi dan tetap menjadikannya sebagai identiti mereka.

Penyelidik menggunakan pensampelan bertujuan dalam melaksanakan kajian. Pensampelan bertujuan bermaksud penyelidik menetapkan ciri-ciri khusus untuk memilih informan kajian di lapangan. Pensampelan bertujuan digunakan kerana membantu penyelidik mencapai objektif kajian berasaskan ciri-ciri informan yang dipilih. Penyelidik telah menetapkan tiga ciri khusus untuk memilih informan iaitu, pengalaman hidup, pekerjaan dan kekerapan akses modal semula jadi.

Dalam penyelidikan ini, seramai sembilan orang informan mewakili kampung Batu Bungan, lapan orang informan mewakili kampung Long Lesuan dan enam orang informan dipilih mewakili kampung Long Ludin telah terlibat. Informan-informan tersebut merupakan sampel yang telah terlibat dalam kaedah temu bual mendalam, pemerhatian dan nota lapangan. Jumlah informan tersebut telah ditetapkan sehingga mendapat ketepuan data. Kajian telah dilaksanakan selama empat bulan, di mana penyelidik tinggal bersama informan kajian sehingga data yang diperolehi mencapai objektif kajian.

Data yang diperolehi dianalisis dengan perisian komputer QSR Nvivo melalui pendekatan analisis tema (*thematic analysis*). Data daripada kaedah temu bual mendalam ditranskripsikan terlebih dahulu secara verbatim, iaitu dengan menulis semula rakaman audio ayat demi ayat dalam bentuk teks tanpa mengubah satu pun makna asal yang disampaikan oleh informan kajian. Proses transkripsi ini turut merangkumi data daripada pemerhatian (turut serta dan tidak turut serta) serta catatan nota lapangan, yang kemudiannya disatukan dalam pangkalan data yang sama untuk tujuan analisis yang sistematik.

Proses analisis data dilakukan secara berperingkat. Pada peringkat pertama, penyelidik melaksanakan pengkodan terbuka (*open coding*) bagi mengenal pasti unit-unit makna yang berulang berkaitan identiti (tradisional dan beradaptasi), cara dan tujuan penggunaan modal semula jadi dan cara akses modal semula jadi. Peringkat kedua, kod yang telah terkumpul menggunakan pendekatan kod terbuka telah disusun dan digabungkan melalui pengkodan paksi (*axial coding*) bagi membentuk tema-tema yang lebih luas berdasarkan persamaan makna yang telah diperolehi.

Berdasarkan proses tersebut, kategori identiti tradisional dan identiti beradaptasi terbentuk secara induktif melalui lapangan. Identiti tradisional merangkumi tema-tema yang berkaitan dengan amalan tradisional sama ada dari segi penggunaan modal semula jadi serta pengkalan nilai tradisi. Manakala, identiti beradaptasi merujuk kepada tema-tema yang menunjukkan penerimaan inovasi, penggunaan bahan dan teknologi moden, serta penyesuaian strategi ekonomi dan sosial dalam konteks perubahan persekitaran kehidupan kaum Penan.

Keseluruhan proses analisis ini dijalankan secara interaktif, iaitu dengan pengulangan antara data mentah, kod dan tema bagi memastikan ketekalan tafsiran serta kesepadanan dapatan dengan objektif kajian. Penggunaan QSR Nvivo membantu penyelidik menguruskan data kualitatif yang besar secara sistematik, meningkatkan ketelusan data dan menyokong kebolehpercayaan dapatan kajian.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini adalah berkenaan hasil kajian yang diperolehi dari lapangan. Hasil kajian mendapati kaum Penan memiliki dua identiti khusus berasaskan modifikasi modal semula jadi. Identiti khusus tersebut ialah, i) identiti tradisional dan ii) identiti beradaptasi. Kedua-dua identiti khusus tersebut diperincikan lagi berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi.

1. Identiti tradisional

1.1 Pencipta kraf tangan

Kaum Penan merupakan pereka kraf tangan berasaskan modal semula jadi yang kreatif. Mereka menghasilkan kraf tangan untuk kegunaan harian dan untuk dijual melalui modal semula jadi yang wujud di sekitar mereka. Pereka kraf tangan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kaum Penan yang masih menghasilkan produk kraf tangan. Produk kraf tangan merujuk kepada produk yang dihasilkan oleh peserta kajian bagi tujuan kegunaan harian, perhiasan dan jualan.

Kraf tangan tradisional kaum Penan diperbuat sepenuhnya daripada rotan. Hasil kraf tangan yang diperbuat daripada rotan ini menunjukkan keaslian buatan dan reka bentuk kraf tangan mereka. Antara rotan yang digunakan oleh kaum Penan bagi tujuan penghasilan kraf tangan mereka adalah seperti dalam Gambar 1 dan Gambar 2.



Gambar 1: Pokok rotan



Gambar 2: Rotan yang sudah dipotong

Hasil kajian mendapati peserta kajian menghasilkan kraf tangan sebagai rutin harian dan ini menjadikan penghasilan kraf tangan sebagai identiti mereka. Di samping itu juga, perkara tersebut merupakan satu usaha untuk mengekalkan identiti mereka. Realiti ini tidak jauh berbeza dengan pandangan yang pernah diketengahkan oleh Amir Hasan Dawi (2010) yang mendapati bahawa setiap pihak atau kumpulan komuniti berusaha mengekalkan identiti mereka sama ada secara tersurat atau tersirat.

Kajian mendapati bahawa kaum Penan menonjolkan identiti mereka berasaskan modal semula jadi secara langsung melalui penghasilan kraf tangan. Kenyataan wakil informan kajian menjelaskan identiti mereka sebagai pencipta kraf tangan adalah seperti berikut:

“Kalau pasal hal tersebut, (menghasilkan kraf tangan) saya boleh katakan di sini merupakan kilangnya dan di sini kilang yang terbaik. Mereka mahir. (mereka yang dirujuk oleh informan kajian adalah golongan wanita).”

(Informan LLE 2)

Perbualan temu bual mendalam bersama informan LLE 2 menjelaskan bahawa kaum Penan, khasnya golongan wanita masih menghasilkan kraf tangan yang terbaik dan berkualiti. Hal ini bermaksud mereka telah melakukan aktiviti penghasilan kraf tangan sejak sekian lama, oleh itu mereka menjadi mahir. Pada masa yang sama, secara langsung penghasilan kraf tangan tersebut telah menjadi salah satu identiti tradisional mereka.

1.1. (a) Bakul

Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan identiti tradisional ditonjolkan melalui penggunaan modal semula jadi sebagai bahan penghasilan kraf tangan. Antara kraf tangan yang dihasilkan oleh kaum Penan ialah bakul rotan pelbagai saiz dan reka bentuk. Bakul-bakul rotan yang dihasilkan adalah untuk kegunaan harian dan juga untuk dijual.

Walaupun tujuan penghasilan kraf tangan tersebut berbeza pada masa kini, kaum Penan masih menerapkan elemen tradisional dari segi bahan yang digunakan untuk menghasilkan bakul-bakul tersebut. Penghasilan bakul rotan yang unik membolehkan kaum Penan terutamanya informan kajian dari kampung Batu Bungan menjual hasil kraf tangan mereka kepada pelancong. Hal tersebut merupakan satu kelebihan ekonomi bagi mereka.

Antara reka bentuk bakul yang dihasilkan oleh kaum Penan adalah seperti dalam Gambar 3, Gambar 4 dan Gambar 5. Setiap satu bakul memiliki fungsi dan kelebihan yang tersendiri. Namun seratus peratus bahan kraf tangan tersebut adalah daripada rotan tanpa campuran tali plastik.



Gambar 3: *Gaweng* (Bakul rotan 1)

Bakul rotan di dalam Gambar 3 (*gaweng*) merupakan bakul yang digunakan oleh kaum Penan untuk kegunaan harian apabila masuk ke hutan atau ke ladang. *Gaweng* digunakan untuk membawa barangan keperluan seperti bekalan makanan, minuman, mancis, atau hasil hutan yang perlu dibawa pulang.



Gambar 4: *Serut* (Bakul rotan 2)

Bakul rotan di dalam Gambar 4 (*serut*) biasanya digunakan oleh kaum Penan untuk membawa barang-barang kering seperti beg duit, telefon, kunci dan boleh juga digunakan untuk masuk ke hutan. Fungsi *serut* hampir sama seperti *gaweng*, cuma reka bentuk yang berlainan menyebabkan penggunaan yang agak berbeza. Lazimnya *serut* tidak tahan lasak, oleh sebab itu hanya digunakan membawa barangan kering sahaja.



Gambar 5: *Kivah* (Bakul rotan 3)

Bakul rotan di dalam Gambar 5 (*kivah*) pula merupakan bakul yang paling besar dan kukuh dihasilkan oleh kaum Penan. *Kivah* diperbuat sepenuhnya daripada rotan. *Kivah* boleh membawa muatan yang berat seperti kayu api, seekor babi, rusa dan kijang. Jika kaum Penan masuk ke hutan untuk tempoh berminggu-minggu, *kivah* merupakan bakul yang digunakan untuk membawa bekalan dan barangan keperluan.

Kajian mendapati ketiga-tiga hasil kraf tangan, iaitu *gaweng*, *serut* dan *kivah* memaparkan sifat tradisional yang kuat. Semua bakul tersebut diperbuat sepenuhnya daripada modal semula jadi tanpa ada campuran bahan plastik PVC atau bahan tiruan. Realiti ini menunjukkan bahawa identiti tradisional kaum Penan masih ditonjolkan melalui penghasilan atau modifikasi modal semula jadi.

1.1. (b) Tikar rotan

Bagi tikar rotan biasa, terdapat pelbagai corak asas dan corak lain-lain yang diberi nama tertentu oleh peserta kajian. Setiap satu corak yang ada boleh ditiru atau dihafal oleh individu bagi membolehkan dianyam pada tikar yang baru dihasilkan. Antara corak yang asas selalu dianyam pada tikar rotan adalah “*betek pesun*”, “*betek kelunan*”, “*betek uheng*” dan “*betek maten juhit*” (Betek=corak). Setiap corak tersebut membawa kepada identiti tradisi kaum Penan kerana corak-corak tersebut diajar secara turun-temurun. Gambar 6 menunjukkan reka bentuk corak yang ada pada tikar rotan yang dihasilkan oleh kaum Penan.



Gambar 6: Tikar rotan

Sebagai kesimpulannya, identiti tradisional kaum Penan berkait rapat dengan modal semula jadi. Mereka memanfaatkan modal semula jadi untuk menghasilkan kraf yang menjadi keperluan harian mereka. Pada masa yang sama, kraf yang dihasilkan tersebut merupakan salah satu identiti tradisional mereka.

2. Identiti beradaptasi

Hasil kajian turut menunjukkan peserta kajian memiliki identiti beradaptasi melalui inovasi dalam penghasilan kraf tangan. Inovasi yang berlaku bukan sahaja tertumpu kepada perubahan jenis bahan yang digunakan, seperti campuran bahan PVC dan nilon, tetapi turut melibatkan transformasi dalam proses pengumpulan bahan daripada modal semula jadi.

Sebelum ini, kaum Penan hanya menggunakan parang atau kapak sahaja bagi tujuan mengambil rotan. Kini mereka telah memiliki gergaji rantai bagi tujuan menebang pokok-pokok yang menjadi tumpangan rotan. Ini membolehkan proses mengambil rotan lebih mudah dan lebih cepat jika berbanding dahulu. Semua perkara tersebut merupakan inovasi yang telah dilakukan oleh peserta kajian dalam kerja-kerja penghasilan produk modal semula jadi. Selain itu, kebanyakan aktiviti memasuki hutan kini dilakukan dengan menaiki kenderaan seperti motosikal, perahu atau kereta untuk ke destinasi yang dikehendaki. Mereka tidak lagi berjalan kaki untuk masuk ke hutan seperti dahulu.

Inovasi dalam penghasilan kraf tangan oleh kaum Penan didorong oleh beberapa faktor utama, termasuklah kekurangan bahan semula jadi, keperluan untuk meningkatkan produktiviti, serta tuntutan pasaran terhadap produk kraf tangan yang tahan lama dan bervariasi dari segi corak dan warna. Pada masa yang sama, inovasi ini juga berfungsi sebagai strategi ekonomi untuk menjana pendapatan yang lebih stabil dalam kehidupan dengan latar moden mereka.

Hasil kajian berkaitan identiti beradaptasi dalam inovasi untuk memodifikasi modal semula jadi ditunjukkan melalui penghasilan kraf tangan mereka yang dicampur bahan semula jadi dan bahan plastik pvc atau tiruan. Modifikasi pada bahan dipelbagaikan oleh kaum Penan dalam setiap kraf yang dihasilkan termasuklah bakul, tikar dan kraf berasaskan manik.

2.1. (a) Bakul

Kini kaum Penan menghasilkan bakul dengan menggunakan tali plastik pvc sebagai bahan sepenuhnya atau campuran. Disebabkan tali plastik bersifat lembut, kraf tangan berasaskan tali plastik pvc dicampur dengan rotan sebagai “tulang” (rangka) atau penahan agar lebih kukuh. Reka bentuk bakul yang dihasilkan adalah

seperti dalam Gambar 7, 8 dan 9. Inovasi yang menghasilkan bakul dan kraf menggunakan tali plastik mempunyai kelebihan dari segi pilihan warna. Pelbagai jenis warna tali plastik boleh didapati di pasaran. Jika dibandingkan dengan rotan, mereka hanya mempunyai dua pilihan warna, iaitu hitam dan putih. Oleh demikian, inovasi tersebut memberi kelebihan kepada kaum Penan dalam penghasilan kraf tangan mereka dan pada masa yang sama boleh bersaing di pasaran lebih jauh dan luas.



Gambar 7: Bakul tali PVC 1




Gambar 8: Bakul tali PVC 2



Gambar 9: Bakul tali PVC 3

2.1.(b) Tikar

Peserta kajian juga menghasilkan tikar jenis lain yang dipanggil “*lapit*”. *Lapit* lebih mahal daripada tikar rotan biasa, walaupun *lapit* juga dihasilkan dengan menggunakan rotan. Bezanya ialah, belahan rotan yang digunakan agak besar kerana sebatang rotan hanya dibelah kepada dua bahagian untuk membuat *lapit*. Oleh demikian, jumlah rotan yang diperlukan juga lebih banyak. *Lapit* memerlukan tali nilon untuk mengikat semua belahan rotan bagi membolehkannya membentuk tikar yang cantik seperti dalam Gambar 10. Inovasi atau modifikasi yang dilakukan oleh peserta kajian dalam menghasilkan *lapit* ialah pada penggunaan tali nilon. Tali nilon lebih mudah diguna untuk mengikat belahan-belahan rotan tikar agar lebih kukuh dan kemas.



Gambar 10: A, Tikar rotan; B, *Lapit*

2.1. (c) Kraf tangan manik

Peserta kajian turut menghasilkan kraf tangan berasaskan manik. Lazimnya manik bukanlah berasal dari bahan mentah atau bahan semula jadi yang dihasilkan mereka, sebaliknya dibeli di pasaran. Kemudiannya, manik-manik tersebut digubah menjadi kraf tangan yang pelbagai seperti rantai, gelang, cendera mata, bakul bagi tujuan hantaran perkahwinan atau pertunangan dan perhiasan rumah.

Kajian mendapati bahawa penghasilan manik merupakan satu bentuk adaptasi oleh kaum Penan daripada kaum lain di sekeliling mereka. Mereka belajar menggubah manik menjadi kraf tangan dan menjualnya sebagai sumber pendapatan. Peserta kajian menjelaskan bahawa penghasilan kraf tangan manik merupakan kemahiran yang dipelajari oleh mereka. Berikut merupakan hasil temu bual mendalam bersama informan BB1 yang mewakili peserta lain:

Bikin manik atau menganyam (menggubah manik menjadi kraf tangan) ini saya belajar dari bangsa lain. Semua kami di sini pun sama, belajar dari orang lain dulu, baru ajar kawan-kawan. Lama-lama pandailah bikin ini manik. Walaupun bukan asal usulnya kerja tangan saya tapi disebabkan boleh jual, saya pun ikut bikin ini manik.

(Informan BB1)

Berdasarkan hasil temu bual mendalam bersama informan BB1, jelas bahawa penghasilan kraf berasaskan manik merupakan adaptasi dari luar lingkungan kelompok mereka. Realiti ini merupakan satu bentuk identiti adaptasi kaum Penan, di mana mereka turut menghasilkan kraf yang asalnya hanya dihasilkan oleh kaum lain di sekeliling mereka. Namun kaum Penan mampu mempelajari cara-cara hasilkan kraf tangan tersebut dan akhirnya dijadikan sumber pendapatan mereka. Antara contoh manik yang dihasilkan oleh kaum Penan adalah seperti dalam Gambar 11 dan 12.



Gambar 11: Kraf manik



Gambar 12: Kraf manik

2.1. (d) Sumpit

Sumpit merupakan salah satu daripada kraf tangan yang dihasilkan oleh peserta kajian turun-temurun. Hasil kajian mendapati sumpit antara kraf tangan yang menggambarkan identiti beradaptasi dalam memodifikasi modal semula jadi. Pada masa dahulu, peserta kajian hanya membuat sumpit bagi tujuan kegunaan sendiri dan menjadi salah satu senjata utama dan wajib dimiliki bagi tujuan kelangsungan hidup.

Proses pembuatan sumpit memerlukan pemilihan jenis kayu yang sesuai terlebih dahulu. Jenis kayu dipilih berdasarkan tujuan sumpit yang dibuat sama ada untuk dijual atau digunakan sendiri. Peserta kajian jarang menjual sumpit yang diperbuat daripada kayu berkualiti. Hal ini kerana, sumpit yang dijual hanyalah untuk hiasan dan cendera mata sahaja. Berikut merupakan hasil kajian bersama informan LLE yang mewakili peserta lain menerangkan pemilihan jenis kayu untuk dibuat sumpit:

“Kalau saya pilih kayu untuk buat sumpit ni macam Tanyit (Tapang), Nyagang, Pa dan Pokok Nangka itu yang paling bagus. Untuk guna berburu, boleh dan guna sendiri pun boleh. Kalau untuk jual asalkan kayu saja, boleh dibuat sumpit itu.”

(Informan LLE)

Hasil temu bual mendalam bersama informan LLE menjelaskan bagaimana peserta kajian menentukan jenis kayu yang digunakan bagi tujuan penghasilan sumpit. Jenis kayu dipilih berdasarkan tujuan sumpit tersebut akan digunakan kelak.

Namun demikian, inovasi yang dilakukan oleh peserta kajian dalam penghasilan sumpit pada masa kini banyak membantu memudahkan kerja-kerja si tukang sumpit. Pada masa dahulu, proses membuat sebatang sumpit agak rumit dan mengambil masa yang lama. Hal ini disebabkan penggunaan peralatan

yang terbatas seperti kapak, parang dan pisau sahaja. Namun kini, peserta kajian telah melakukan inovasi dengan menggunakan gergaji rantai, mesin pemotong dan peralatan elektronik seperti *sander* (kertas pasir). Inovasi tersebut membawa perubahan dan kualiti serta penjimatan masa dalam proses penghasilan sumpit pada masa kini. Belahan dari batang pokok yang dipilih untuk dijadikan sumpit adalah seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 13.



Gambar 13: Stesen pembuatan sumpit

Walau bagaimanapun, pembuatan sumpit pada masa kini lebih cenderung bagi tujuan komersial dan sumber pendapatan kaum Penan. Sumpit tidak lagi dihasilkan semata-mata sebagai senjata untuk berburu. Realiti tersebut sekali gus menggambarkan identiti beradaptasi kaum Penan berasaskan hasil modal semula jadi. Jika dahulu identiti kaum Penan boleh digambarkan dengan memegang sebatang sumpit untuk memburu, kini tidak lagi, sumpit telah menjadi sumber pendapatan mereka dari segi eko-pelancongan. Berikut merupakan hasil temu bual mendalam bersama seorang informan kajian BB3 yang menjelaskan berkaitan bagaimana sumpit kini menjadi senjata dan pada masa yang sama sumber pendapatan kaum Penan:

“Saya masih guna sumpit untuk berburu sampai sekarang. Mana boleh tinggal itu, asal usul punya senjata. Tapi sekarang saya juga ada jual sumpit di tamu sana, yang pendek-pendek saja lah. Jual pada turis (tourist), mereka mau beli, suka mereka tengok tu.”

(Informan BB3)

Sumpit yang dihasilkan oleh informan kajian adalah seperti yang terdapat dalam Gambar 13, 14 dan 15. Gambar tersebut menunjukkan set lengkap sumpit dan tabung peluru berserta peluru sumpit.



Gambar 14: Sumpit dan tabung peluru



Gambar 15: Tabung peluru sumpit dan isinya

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian ini, identiti kaum Penan dapat difahami sebagai identiti yang terbentuk berasaskan modifikasi modal semula jadi, iaitu satu proses dinamik yang mencerminkan keupayaan komuniti ini menyesuaikan amalan hidup dan penghasilan kraf tangan dalam menghadapi perubahan persekitaran sosial, ekonomi dan ekologi. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa identiti komuniti tidak bersifat statik, sebaliknya sentiasa dibentuk dan dilenturkan melalui interaksi berterusan antara manusia dan alam sekitar (Hall, 1996; Jenkins, 2008).

Bagi kaum Penan, pembahagian identiti kepada identiti tradisional dan identiti beradaptasi menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku dalam kalangan kaum Penan tidak membawa kepada penghakisan identiti asal, sebaliknya mencerminkan proses adaptasi budaya secara positif. Penemuan kajian ini selari dengan kajian oleh Brosius (1997) dan Dove (2011) yang mendapati komuniti peribumi di Borneo, termasuk masyarakat Penan, cenderung mengadaptasi teknologi dan bahan baharu secara selektif untuk manfaat mereka. Dalam konteks kaum Penan, identiti tradisional dipertahankan melalui penggunaan modal semula jadi dan penghasilan kraf tangan untuk keperluan harian, manakala identiti beradaptasi terbentuk melalui pengubahsuaian bahan dan teknik penghasilan bagi memenuhi tuntutan ekonomi semasa.

Perubahan dalam kaedah pengumpulan hasil hutan yang lebih efisien, termasuk penggunaan peralatan moden, boleh ditafsirkan sebagai sebahagian strategi kelangsungan hidup. Kajian terdahulu mengenai kaum Penan di Sarawak menunjukkan bahawa penyesuaian terhadap persekitaran dan modal semula jadi yang ada di sekitar penting bagi memastikan kelangsungan dalam keadaan tekanan ekonomi dan ekologi yang kian meningkat (Langub, 2004; Lye, 2005). Seiring dengan itu, modifikasi terhadap penghasilan kraf bukan sahaja meningkatkan kecekapan kerja, tetapi turut berfungsi sebagai sumber pendapatan alternatif untuk sara hidup.

Dapatan kajian ini juga menyokong hujah bahawa perubahan dalam komuniti peribumi Sarawak lazimnya berlaku secara berperingkat dan bukan secara radikal. Seperti yang diujahkan oleh Langub (2010), masyarakat Penan tidak menolak perubahan secara total, tetapi memilih untuk mengintegrasikan unsur moden yang dianggap sesuai dan bermanfaat bagi mereka. Hal ini jelas ditunjukkan melalui penggabungan bahan semula jadi dan bukan semula jadi dalam penghasilan kraf tangan, serta perubahan dalam kaedah pengumpulan modal semula jadi.

Dari sudut perbandingan dengan kajian lepas di Borneo, dapatan kajian ini konsisten dengan penyelidikan terhadap komuniti peribumi lain di Sarawak yang menunjukkan bahawa inovasi dalam penggunaan sumber sebagai mekanisme untuk mengekalkan kelangsungan budaya, dan ekonomi dan bukannya menghakis identiti etnik (Cramb & Sujang, 2013; Majid Cooke, 2006). Namun demikian, kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memperincikan bagaimana modifikasi modal semula jadi membentuk dua lapisan identiti, tradisional dan beradaptasi yang wujud secara serentak dan bersifat saling melengkapi dalam kalangan kaum Penan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa identiti kaum Penan berasaskan modal semula jadi bukan sekadar refleksi amalan ekonomi atau budaya, tetapi merupakan satu mekanisme penting dalam memastikan kelangsungan fizikal, ekonomi, budaya dan identiti masyarakat Penan. Oleh demikian, kajian ini memperkukuh kefahaman tentang identiti kaum Penan sebagai salah satu kaum peribumi di Sarawak sebagai satu entiti yang dinamik, adaptif dan berakar kukuh melalui hubungan antara manusia dan alam sekitar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kaum Penan mempunyai dua identiti berkaitan dengan modifikasi modal semula jadi, iaitu sebagai identiti tradisional dan identiti beradaptasi. Identiti tradisional merupakan amalan tradisi sejak dahulu lagi. Kaum Penan memiliki identiti tradisional melalui penghasilan kraf tangan. Dalam hal ehwal mencipta kraf tangan, terdapat perbezaan yang ketara berkaitan tujuannya jika dibandingkan dahulu dan sekarang. Pada masa dahulu penciptaan kraf tangan hanyalah untuk kegunaan seharian mereka namun, pada hari ini kraf tangan dihasilkan untuk dipasarkan. Namun begitu, kemahiran kaum Penan menghasilkan kraf tangan kekal sebagai elemen penting yang membentuk identiti sosial mereka.

Tambahan pula, pada hari ini kaum Penan telah mempelbagaikan kraf tangan yang dihasilkan dengan melakukan inovasi. Inovasi yang dilakukan sebenarnya adalah atas kekangan bahan dan memenuhi permintaan pasaran semasa. Inovasi yang dilakukan oleh kaum Penan berasaskan modal semula jadi, kini menjadi sebahagian dari identiti mereka. Kini mereka memiliki identiti tradisional dan identiti beradaptasi.

Dari sudut implikasi, kewujudan kedua-dua identiti ini mempunyai kepentingan terhadap kelestarian budaya, memandangkan pengekalan kemahiran kraf tangan dan pengetahuan tradisional membolehkan warisan budaya kaum Penan terus dipraktikkan merentas generasi. Selain itu, identiti beradaptasi berpotensi menyokong pembangunan ekonomi masyarakat, khususnya sebagai sumber pendapatan berasaskan peluang sedia ada.

Identiti baru tersebut membawa pendayaupayaan dari segi ekonomi kerana inovasi yang dilakukan adalah untuk memudahkan kaum Penan memasarkan produk kraf tangan mereka di pasaran. Pada masa yang sama, kraf yang dihasilkan kaum Penan bertahan di dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa sebagai sumber pendapatan mereka. Oleh demikian, identiti beradaptasi kaum Penan tersebut secara langsung merupakan satu bentuk kemandirian mereka untuk meneruskan kehidupan dalam dunia moden.

Implikasi kajian ini turut relevan terhadap perumusan dasar berkaitan masyarakat peribumi, khususnya dalam merangka program pembangunan yang lebih peka terhadap budaya dan identiti lokal. Pengiktirafan terhadap identiti tradisional dan identiti beradaptasi secara serentak dapat membantu pembuat dasar merangka intervensi yang tidak hanya menekankan pemodenan ekonomi, tetapi turut menyokong kelestarian budaya dan autonomi kaum Penan dalam mengurus modal semula jadi.

CADANGAN

Oleh itu, dengan adanya inovasi dalam penghasilan kraf tangan, kaum Penan boleh terus mengekalkan identiti mereka iaitu sebagai pengguna tradisional modal semula jadi. Inovasi merupakan satu jaminan bagi mereka untuk terus mempertahankan identiti sosial melalui penghasilan kraf tangan berasaskan modal semula jadi walaupun sumber semakin berkurangan. Pada masa yang sama, situasi tersebut bukanlah bermaksud bahawa mereka tidak mampu menghasilkan kraf tangan dengan keadaan sumber modal semula jadi yang sukar diperolehi. Kajian ini mencadangkan baik sekiranya pembuat dasar boleh merangka polisi yang menyokong kelestarian modal semula jadi dan penghasilan kraf tangan kaum Penan. Selain itu, pengiktirafan hak akses hutan secara lestari dan sokongan latihan untuk menggalakkan inovasi tanpa menjejaskan identiti tradisional. Penggiat industri kraf pula boleh menyediakan bimbingan teknikal, sumber dana, dan strategi pemasaran yang menekankan nilai budaya lestari agar pendapatan kaum Penan boleh dipertingkatkan dari segi ekonomi. Pada masa yang sama identiti sosial mereka tetap diperkukuh.

Walaupun kaum Penan boleh mengatasi masalah kekurangan bahan mentah semula jadi bagi tujuan penghasilan kraf, modal semula jadi perlu terus dipelihara untuk kepentingan mereka. Hal ini kerana melalui akses modal semula jadi kaum Penan mendapat manfaat dari segi ekonomi, sekaligus menambah baik kualiti hidup mereka.

Kajian lanjutan perlu dijalankan untuk menilai impak jangka panjang inovasi terhadap kelestarian budaya, strategi kelangsungan hidup, dan ekonomi kaum Penan, termasuklah perbandingan dengan komuniti peribumi lain di Borneo. Pendekatan ini akan membantu merangka dasar, strategi dan amalan industri yang lebih inklusif dan pada masa yang sama memastikan identiti tradisional dan identiti beradaptasi kaum Penan terus dipelihara dan lebih penting lagi, tetap memberi manfaat kepada kaum Penan dalam kelangsungan hidup kontemporari.

RUJUKAN

Bending, T. (2006). *Penan Histories: Contentious narratives in upriver Sarawak*. Feiburg: Kitlv Press.

Brosius, J. P. (1997). Endangered forest, endangered people: Environmentalist representations of indigenous knowledge. *Human Ecology*, 25(1), 47–69 <https://doi.org/10.1023/A:1021937509794>

Chua Yan Piaw. (2009). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

- Cramb, R. A., & Sujang, P. S. (2013). Developmentalism and the post-developmental state: Livelihoods, land, and identity in Sarawak, Malaysia. *Pacific Affairs*, 86(3), 457–479. <https://doi.org/10.5509/2013863457>
- Davis, W., Mackenzie, I., and Kennedy, S. (1995). *Nomads of the Dawn: The Penan of the Borneo Rain Forest*. Pomegranate Artbooks, San Francisco.
- Dove, M. R. (2011). *The banana tree at the gate: A history of marginal peoples and global markets in Borneo*. Yale University Press.
- Ellen, R. (2008). Review of Beyond the Green Myth. Hunter-Gatherers of Borneo in the Twenty-First Century, by P. G. Sercombe & B. Sellato. *Anthropos*, 103(1), 289–290. <http://www.jstor.org/stable/40466926>
- Hall, S. (1996). Introduction: Who needs “identity”? In S. Hall & P. du Gay (Eds.), *Questions of cultural identity* (pp. 1–17). Sage Publications.
- Hood, S. (2006). *Peoples and traditions*. Kuala Lumpur: Star Standard Industries (Pte) Ltd.
- Jenkins, R. (2008). *Social identity* (3rd ed.). Routledge.
- Langub, J. (2004). Leadership among the Penan of Belaga District in Sarawak, Malaysia. *Sarawak Museum Journal*, 59(80), 199–223.
- Langub, J. (2008). Penan and the Pulong Tau National Park: historical links and contemporary life. *Borneo Research Bulletin*, 39, 128. <https://link.gale.com/apps/doc/A201548862/AONE?u=anon~70ae3c4f&sid=googleScholar&xid=28aaae3e>
- Langub, J. (2010). Indigenous communities and development in Sarawak. In R. Cramb & J. McCarthy (Eds.), *The oil palm complex: Smallholders, agribusiness and the state in Indonesia and Malaysia* (pp. 230–254). NUS Press.
- Langub, J. (2023). Space of Belonging: Engaging the State in Borneo. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 9(2), 77–92. <https://doi.org/10.33736/jbk.6332.2023>
- Liau, J. (2020). Demographic Profile of Penan Students in Two Public Secondary Schools and Academic Attainment of Their School. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 6(2), 69–83. <https://doi.org/10.33736/jbk.2903.2020>
- Lye, T. P. (2005). Changing pathways: Forest degradation and the Batek of Pahang, Malaysia. *Journal of Political Ecology*, 12(1), 27–43.
- Majid Cooke, F. (2006). Expanding state spaces using “idle” native customary land in Sarawak. *Asia Pacific Viewpoint*, 47(2), 173–186 <https://doi.org/10.1111/j.1467-8373.2006.00309>
- Malone, P. (2014) *The Peaceful People; The Penan and their fight for the rainforest*. Puchong: Vinlin Press Sdn Bhd.

- Reeves, S., Kuper, A., & Brian, H., (2008). *Qualitative Research Methodologies*. Toronto: University of Toronto Press Ltd.
- SUARAM Komunikasi. (2010). *A Wider Context of Sexual Exploitation Of Penan Women and Girls in Middle and Ulu Baram, Sarawak, Malaysia*. Selangor: Polar Vista Sdn.Bhd.
- Zawawi, I. dan Noorshah, M.S. (2012). *Masyarakat Penan dan Impian Pembangunan: Satu Himpunan Naratif Keterpinggiran dan Jatidiri*. Puchong: Vinlin Press Sdn.Bhd.